

TINTA

# SePMA

## Pendidikan Teras Bangsa Diperkasa

### SEMBAH MENGHADAP PRESIDEN DMDI KE ISTANA ARAU

KANGAR, 29 Mac -- Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail hari ini berkenan menerima menghadap Presiden Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI), Datuk Seri Utama Hj. Mohd Ali Mohd Rustam di Istana Arau di sini.

Mohd Ali yang juga Ketua Menteri Melaka tiba di sini untuk menghadiri Seminar Pendidikan Melayu Antrabangsa (SePMA) anjuran kerajaan negeri Perlis dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) selama tiga hari bermula hari ini.

Turut menyertai beliau pada majlis menghadap itu ialah Gabenor Riau, Datuk Rusli Zainal, Timbalan Gabenor Wilayah Satun, Chusak Manicayangkol serta wakil-wakil DMDI dari Indonesia, Thailand, China, Brunei dan Singapura.




### UCAPTAMA SePMA

Kangar -- "Cabaran Pendidikan Melayu di Arena Antarabangsa" merupakan topik yang ditekankan dalam ucapan-tama Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA) 2010 di sini, pagi tadi.

Pengerusi rangkaian pemiagaan Carrefour, Dato' Seri Haji Abdul Aziz Shamsuddin berkata, cabaran yang dihadapi oleh bangsa Melayu dalam mendapatkan pendidikan yang terbaik sebelum dan selepas penjajahan.

"Orang Melayu yang dijajah tidak mendapat pendidikan yang baik, selepas penjajahan, berbekalkan pemikiran positif kita mampu memperolehi pendidikan terbaik melalui sistem yang diperkenalkan oleh pemimpin negara kita,"katanya.



Datuk Seri Abdul Aziz Shamsudin

# SEKILAS PERASMIAN

Penguasaan Ilmu menjadi teras utama yang menjadi pilihan ketiga-tiga tokoh kenamaan ketika berucap pada Majlis Perasmian Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA) 2010 yang berlangsung di Dewan Kapitol, petang tadi.

Pemilihan topik tersebut nyata seiring dengan tema penganjuran SePMA iaitu "Pendidikan Teras, Bangsa Diperkasa". Antara lainnya, bangsa Melayu yang beragama Islam digesa untuk meningkatkan ilmu masing-masing untuk bergerak seiring dengan bangsa-bangsa lain di seluruh dunia.

Ini kerana hanya pendidikan yang bakal menjamin kejayaan sesuatu bangsa selain membolehkan kita dipandang tinggi oleh bangsa lain. Majlis perasmian disempurnakan oleh Menteri Besar Perlis, YAB Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu.



## PETIKAN KATA:



" Apa yang kita inginkan sekarang ialah untuk menjadi Melayu yang berpendidikan tinggi, jika Melayu itu mempunyai taraf pendidikan yang tinggi hingga ke peringkat antarabangsa, mereka mampu membentuk satu masyarakat yang mempunyai minda berilmu sekaligus mampu memacu Negara demi pembangunan dan mencapai status negara maju seperti negara-negara maju di dunia. **YAB Datuk Seri Dr. Md Isa Sabu, Menteri Besar Perlis**

" Pada hakikatnya jika kita dalam perspektif Islam tentang Ilmu dan penggunaan Ilmu dalam kehidupan, sepatutnya manusia Muslim sekali-kali tidak perlu terperangkap dalam kancah kejahilan dan menjadi terkebelakang dalam penguasaan Ilmu serta proses penggunaan Ilmu dalam bentuk teknologi." **YAB Datuk Seri Utama Haji Mohd. Ali Mohd. Rustam, Presiden DMDI**



" Nusantara Melayu menggalas tanggungjawab dalam membangunkan bangsa Melayu yang berilmu melalui rangkaian kerjasama Pengajian Tinggi. Statistik menunjukkan, lebih 3,600 pelajar Malaysia juga termasuk daripada bukan keturunan Melayu sedang melanjutkan pengajian di 17 kampus di merata Indonesia, manakala pada masa ini Malaysia juga menjadi tuan rumah bagi lebih 14,000 pelajar Indonesia di pelbagai peringkat bermula sijil, diploma, Ijazah pertama dan Sarjana malah doktor Falsafah juga." **Yg Bhg. Brig Jen. Dato' Prof. dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP**



**Media PNC: Suhana Abdul Mutalib, Nurul Shafinaz Ismail, Mohd Basri Basir, Nurul Aida Othman, Noor Fazemil Naim, Jurugambar UniMAP**